



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : APMM.DM10.100-2/1/1 ()

Tarikh : 15 Ogos 2018

SIARAN MEDIA

2 PESAKIT DI PULAU PERHENTIAN SELAMAT – BOT PENYELAMAT MARITIM MALAYSIA BERI BANTUAN PELAYARAN IHSAN

TOK BALI, 15 Ogos – Maritim Malaysia Negeri Kelantan melakukan pelayaran ihsan untuk memindahkan seorang pesakit warganegara Myanmar yang mengalami masalah kesihatan dan seorang warganegara Britain yang hampir lemas untuk menerima rawatan lanjut di hospital, hari ini.

Pengarah Maritim Negeri Kelantan, Kepten Maritim Nurul Hizam bin Zakaria berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada Klinik Kesihatan Pulau Perhentian yang meminta bantuan membawa kedua pesakit ke hospital pada jam 3.45 petang.

”Selepas menerima maklumat, kita segera menghantar Bot Maritim Penyelamat 7 yang diketuai oleh Bintara Kanan Maritim Asri bin Awang untuk melaksanakan misi membawa kedua pesakit.

Pesakit merupakan lelaki warganegara Myanmar yang dikenali sebagai Than Soe berumur 28 tahun mengalami *Gastritis* ketika dalam perjalanan daripada Thailand menuju ke Indonesia di sebuah kapal dagang. Beliau yang juga Kepten kapal tersebut telah dihantar oleh kru kapal ke Klinik Kesihatan Pulau Perhentian. Manakala seorang lagi pesakit warganegara Britain, Stark Rupert Clive berumur 23 tahun pula hampir lemas semasa menjalankan aktiviti *snorkelling* di pulau tersebut. Kedua-dua pesakit berjaya distabilkan oleh petugas klinik kesihatan namun kondisi pesakit menyebabkan pesakit perlu dihantar ke Hospital Besut untuk rawatan lanjut.

”Bot Maritim Penyelamat 7 tiba di Jeti Maritim Malaysia Negeri Kelantan pada jam 6.25 petang dan kedua pesakit kemudiannya dikejarkan ke Hospital Besut untuk rawatan lanjut,” katanya hari ini.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Lt. Dya Maritim Mohd Farez Zawwani bin Yunus
Pegawai Perhubungan Awam
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia,
Negeri Kelantan
Jabatan Perdana Menteri,
KELANTAN
016-8444594 (HP)
09 – 7780070 (PEJ)
Fax: 09-7780075
Email: mohdfarez@mmea.gov.com